

02 MAR 1998

Mahathir-Pendatang

PENGHANTARAN PENDATANG PULANG TIDAK JEJAS SEMANGAT ASEAN

PETALING JAYA, 2 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah Malaysia mengetatkan kawalan di sepanjang sempadan negara ini bagi membendung kemasukan pendatang tanpa izin tidak akan menjejaskan semangat setia kawan Asean.

Kata Perdana Menteri: "Kita tidak boleh (terima pendatang tanpa izin), kalau kita boleh kita bagi pertolongan. Kalau kita tidak mampu macam mana kita hendak (tolong). Ini tidak jejas semangat Asean."

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila ditanya tentang langkah Malaysia mengetatkan kawalan di sepanjang sempadan negara.

Dr Mahathir berkata, melalui perbincangan Malaysia dan negara-negara yang menghadapi masalah ekonomi, mereka turut berpendapat adalah hak Malaysia untuk menghantar balik pendatang yang masuk tanpa izin ke negara ini.

"Kalau kita boleh tolong mereka pulihkan ekonomi mereka dengan sendirinya ia boleh mengurangkan penghijrahan mereka (pendatang)," katanya.

Katanya, Malaysia tidak dapat melayan pendatang berkenaan kerana negara ini turut menghadapi masalah ekonomi.

Minggu lepas Dr Mahathir membincangkan masalah penghijrahan pendatang dari negara yang teruk dilanda masalah ekonomi itu dengan Sultan Brunei sewaktu Sultan Hassanah Bolkuiah mengadakan lawatan sehari ke sini.

Dr Mahathir, yang turut ditanya mengenai boikot ayam yang dianjurkan oleh MTUC dan Cuepacs, berkata langkah kerajaan menaikkan harga ayam adalah jelas iaitu bagi menampung kos pengeluaran ayam yang semakin tinggi.

Katanya, kebanyakan ladang ayam terpaksa ditutup kerana menanggung kerugian bagaimanapun masih ada yang bertahan dan mereka berharap dapat memperolehi kembali kerugian itu.

Mengenai perbincangan pada sesi pertama Dailog Perkongsian Bijak Kebangsaan, Dr Mahathir berkata, ia lebih menyentuh kepada bagaimana kerajaan, sektor swasta dan kesatuan sekerja dapat bekerjasama untuk memulihkan ekonomi dan sama-sama mendapat faedahnya. -- BERNAMA

RAZ AZZ AKD